

Bahagian A (20 markah).

Soalan 1 hingga 20

1. Adik mengutip kulit_____yang beraneka bentuk di pantai.

- | | |
|----------|-----------|
| A. siput | C. burung |
| B. ketam | D. ikan |

2. _____ itu memiliki rupa paras yang jelita.

- | | |
|-----------|-----------|
| A. Putera | C. Puteri |
| B. Peguam | D. Posmen |



Gambar 1

Soalan 3 berdasarkan gambar 1 .

3. Kim Ho seronok berlari-lari mengejar _____.

- | | |
|-----------|------------|
| A. ketam | C. harimau |
| B. monyet | D. udang |

4. Penduduk kampung dilarang mandi di dalam sungai itu kerana terdapat _____.

A. Sang Kancil

C. Sang Nuri

B. Sang Buaya

D. Sang Kerbau



Gambar 2

Soalan 5 berdasarkan gambar 2.

5. Mei Fong sedang meriba _____ sambil menonton televisyen.

A. Si Tompok

C. Pak Belang

B. Sang Murai

D. Si Pipit

6. Kim Ho membantu ibunya _____ rumput di halaman rumah.

A. membuang

C. menghiasi

B. mencabut

D. menjolok

7. Pengarah Pelajaran Negeri telah _____ program Minggu Perpustakaan Awam Taman Harmoni pada 1 Januari 2018.

A. mengambil

C. merasmikan

B. mendermakan

D. melayari



Gambar 3

Soalan 7 berdasarkan gambar 3.

8. Puan Juli _____ semua perabot dengan label yang berwarna-warni.

- | | |
|---------------|---------------|
| A. menyusun | C. melabelkan |
| B. mengangkat | D. mengelap |

9. Peserta-peserta _____ sehingga meletup.

- | | |
|--------------------|-----------------------|
| A. meniup belon | C. menjerit ketakutan |
| B. bertepuk tangan | D. beradu tenaga |



Gambar 4

Soalan 10 berdasarkan gambar 4.

10. _____, tolong jaga barang-barang ini sementara kakak ke tandas.

- | | |
|----------|------------|
| A. Adik | C. Encik |
| B. Abang | D. Pak cik |

11. "Bilakah _____ akan bertolak ke Port Dickson?" tanya Mei Ling kepada Kok Wah.
- | | |
|---------|---------|
| A. saya | C. beta |
| B. awak | D. puan |

Kaum bapa beradu tenaga untuk mengukur kelapa dalam kumpulan.

12. Frasa yang mengandungi *digraf* dalam ayat di atas adalah _____.
- | | |
|--------------------|-------------------|
| A. kaum bapa | C. dalam kumpulan |
| B. mengukur kelapa | D. beradu tenaga |

Kim Ho, Kalang dan Nisya bersama-sama memasang kain rentang di bahagian belakang gerai.

13. Frasa yang mengandungi *diftong* dalam ayat di atas adalah _____.
- | | |
|-----------------|--------------------|
| A. kain rentang | C. Encik Teck Sing |
| B. di bahagian | D. belakang gerai |
14. Azwan _____ untuk pulang setelah menziarahi datuknya selama dua hari di kampung.
- | | |
|---------------|---------------|
| A. murah hati | C. minta diri |
| B. besar hati | D. baik hati |



Gambar 5

Soalan 15 berdasarkan gambar 5.

15. Badan Kim Seng berbau busuk kerana dia sering _____.
- | | |
|---------------|-----------------|
| A. buta huruf | C. mandi kerbau |
| B. alas perut | D. otak cair |
16. Pengarah Pelajaran Negeri sungguh _____ kerana
menghadihkan buku-buku ini.
- | | |
|---------------|--------------|
| A. besar hati | C. baik hati |
| B. berat hati | D. batu hati |

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada cuti sekolah yang lepas, kami sekeluarga telah pulang ke kampung nenek di Sarawak. Nenek tinggal bersama-sama saudara-mara kami di rumah panjang. Hubungan mereka amat **mesra** sekali.

Kami disambut dengan meriah oleh Pak Cik Khairul dan Mak Cik Timah. Kami bersalaman dan bertanya khabar. Mereka sangat gembira akan kepulangan kami.

Mak Cik Timah pandai memasak. Mak Cik Timah menghidangkan makanan kegemaran kami, iaitu tubi dan ikan pekasam. Kami juga menikmati buah-buahan tempatan Sarawak, iaitu buah dabai dan buah engkalak.

17. Di manakah nenek dan saudara-mara penulis tinggal?
- A. Rumah pangsa
B. Rumah panjang
C. Rumah teres
D. Rumah banglo
18. Siapakah yang menyambut kepulangan penulis sekeluarga?
- A. Pak Cik Kairul dan Mak Cik Timah
B. Pak Cik Khairul dan Mak Cik Siti
C. Pak Cik Khairul dan Mak Cik Timah
D. Pak Cik Kasam dan Mak Cik Timah
19. Pilih pernyataan yang **betul**.
- A. Buah engkalak ialah buah-buahan tempatan Sarawak.
B. Mak Cik Timah pandai berkebun.
C. Penulis sekelurga pulang ke Sabah.
D. Makanan kegemaran penulis sekeluarga ialah umai ikan.
20. Perkataan **mesra** seperti dalam petikan bermaksud
- A. rapat
B. renggang
C. lama
D. cantik